

U B777 AAB
MAHATHIR - PSKL

KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU TIDAK FAHAM MENGAPAKAH PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (PSKL) TERLALU SENSITIF KEPADA PENYEBAR BERITA ANGIN DARIPADA IA SENDIRI BERFUNGSI BERASASKAN PENCAPAIAN SYARIKAT-SYARIKAT SEBAGAIMANA YANG BERLAKU DI LAIN-LAIN PASARAN SAHAM YANG SUDAH MAJU.

KATANYA, KERANA TERLALU MUDAH DIPENGARUHI OLEH BERBAGAI-BAGAI BERITA ANGIN, PSKL BOLEH DENGAN MUDAHNYA DIPERMAIN-MAINKAN OLEH ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN SENDIRI DENGAN HANYA MEMBUAT CERITA-CERITA DI PASARAN.

+ SAYA TIDAK FAHAM BAGAIMANA HARGA-HARGA SAHAM BOLEH TURUN-NAIK BAGITU BESAR SEBAGAI MENUNJUKKAN REAKSI TERHADAP BERITA-BERITA ANGIN WALAUPUN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERKENAAN KUKUH DAN MEMBUAT KEUNTUNGAN BAIK, + KATA BELIAU KETIKA MEMBUKA SIMPOSIUM MENGENAI + KRISIS EKONOMI BUMIPUTERA+, ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI HARI INI.

DENGAN MENUNJUKKAN CONTOH, PERDANA MENTERI BERKATA APABILA BELIAU MENCADANGKAN FORMULA UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS DI SABAH BARU-BARU INI, BELIAU NAMPAK BAHAWA INDEKS PSKL NAIK LIMA MATA.

TETAPI BILA FORMULA ITU TIDAK BERHASIL, INDEKS JATUH SEMULA LIMA MATA DAN PASARAN TERUS LEMAH. -- LAGI.

1414MST 12 04 86

U B779 AAB
MAHATHIR - PSKL 2 KUALA LUMPUR
(1)

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENGETAHUI KEDUDUKAN KEYAKINAN SEMASA PSKL WALAUPUN SEJAK BEBERAPA LAMA SEBELUM INI DAN BELIAU SENDIRI TELAH BEBERAPA KALI MEMBERI AMARAN AKAN MENENTANG PERBUATAN YANG HENDAK MENJADIKAN PASARAN SAHAM SEBAGAI KASINO.

KERAJAAN JUGA TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN PASARAN TERMASUK MEMINTA INSTITUSI-INSTITUSI MELABUR DENGAN LEBIH CERGAS DI PASARAN, KATANYA.

TETAPI BELIAU KESAL BAHAWA TINDAKAN INI TELAH DISALAH TAFSIR OLEH BEBERAPA PIHAK TERTENTU, MENGAKIBATKAN KEPADA PERCAKAPAN DI PASARAN BAHAWA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN SEDEMIKIAN KERANA BEBERAPA MENTERI TELAH CUBA UNTUK MELINDUNGI SAHAM-SAHAM MEREKA SENDIRI.

INI TELAH MEROSAKKAN NAMA BAIK MENTERI-MENTERI BERKENAAN DAN MENYEBABKAN KERAJAAN TIDAK MENERUSKAN LANGKAH-LANGKAH MENYOKONG PASARAN, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING PENYEBAR BERITA-BERITA ANGIN, FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG MELEMBABKAN IKLIM EKONOMI IALAH PEMBABITAN BERLEBIHAN OLEH AHLI-AHLI PERNIAGAAN DALAM SEKTOR HARTA DAN TERLALU BANYAK YANG MENGGUNAKAN SYARIKAT-SYARIKAT DISENARAikan SEBAGAI ALAT. -- LAGI.

1416MST 12 04 86

U B783 AAB
MAHATHIR - PSKL 3 KUALA LUMPUR
(1)

INI MENYEBABKAN TERLALU BANYAK SYARIKAT YANG MINTA DISENARAIKAN DI PSKL BUKAN UNTUK KEPENTINGAN MENJALANKAN PERNIAGAAN TETAPI HANYA MAHU CEPAT KAYA MELALUI TERBITAN UMUM.

KATANYA, SEMUA PIHAK TERMASUK KERAJAAN, AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN BANK-BANK HARUSLAH SERIUS SEKARANG MEMIKIRKAN JALAN UNTUK MENGATASI KRISIS YANG BERLAKU INI SEBELUM IA MENJADI LEBIH TERUK.

PERDANA MENTERI BERKATA BERDASARKAN PENGALAMAN, TIDAK ADA SESIAPAPUN TERMASUK KERAJAAN HARUS DISALAHKAN KERANA KESULITAN-KESULITAN EKONOMI SEMASA YANG DIHADAPI OLEH NEGARA SAMA ADA MELALUI DASAR-DASAR DAN ANDAIAN YANG SALAH.

+ SAYA MESTI MENGAKUI BAHAWA SAYA SENDIRI JUGA MELAKUKAN KESILAPAN DALAM MENTADBIR NEGARA, KERANA SAYA JUGA SEORANG MANUSIA.+

-- BERNAMA.

1426MST 12 04 86